

# Kegagalan awal tidak hambat Alauddin jadi juara silat dunia

## Anugerah Olahragawan 90: Tiga dicalon

**P**ERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah memutuskan untuk mencalonkan Sheikh Alauddin Yacoob untuk Anugerah Olahragawan 1990.

Turut dicalonkan untuk Anugerah Olahragawati ialah Badriah Hosni dan Azman Amat untuk Anugerah Penghargaan sementara Hosni Ahmad sebagai Anugerah Jurulatih 1990.

Ini diumumkan oleh Penolong Setiausaha Satu Persisi, Khamin Said, sambil menyebut keputusan itu dibuat oleh

Jawatankuasa Pentadbir Persisi tidak lama dulu.

Persisi pernah mencalonkan Alauddin, Badriah dan Hosni untuk anugerah yang serupa dalam 1989 tetapi gagal.

Badriah dicalonkan berdasarkan kejayaannya memenangi pingat emas dalam Kejohanan Terbuka Malaysia dan gangsa dalam Kejohanan Dunia di Belanda.

Azman pula mengutip pingat perak dalam Kejohanan di Belanda dan Hosni kerana sumbangannya melatih para pesilat ini.

Oleh YUSOFF RAHMAN

**A**KAR keyakinannya mula digegarkan. Jadi, ruang benaknya sentiasa bergelodak dengan kebimbangan.

Sesungguhnya, ada semacam ombak tekanan yang menghempas tebing perasaannya. Apatah lagi rakan-rakan seperjuangannya telah rebah. Kecundang dijatuhkan oleh kekurangan diri dan kelebihan pencabar-pencabarnya. **SUKAN ANUGERAH**

Kini, beliau sedar menjadi harapan untuk mengibarkan bendera negara.

Telah bertahun-tahun beliau memendam cita-citanya. Berkali-kali beliau mencuba tetapi ada sempadan halangan melintasi lorong matlamatnya.

Sheikh Alauddin Yacoob tersekat dan terkandas. Dengan perkataan lain, gagal dan terdampar ke lembah putus asa. Ada ketikanya, beliau ingin menukar sukan dengan meneroka pula sukan bina badan.

"Jika saya gagal memenangi pingat emas kali ini, saya ingin bersara dan menyertai bina badan pula," demikian suara hatinya kepada beberapa rakannya.

Mujurlah sekadar niatnya yang terputik tetapi langkahnya masih dirantai oleh kesetiannya dalam sukan silat. Begitupun, beliau sedia mengharungi, meniti dan

menghadapi apa juga arah kemungkinan. Lebih-lebih lagi, ini adalah Kejohanan Silat Dunia.

Setelah mendapat 'bye' dalam pusingan pertama, beliau hanya perlu mengatasi dua halangan sebelum dimahkotakan sebagai johan dunia Kelas I.

"Johan dunia," bisik hatinya.

Tetapi halangannya sungguh mencabar apatah lagi dalam pertempuran separuh akhir, beliau akan menentang johan karate dari Belanda, H. Ketzian.

"Saya telah menyaksikan bagaimana Ketzian membela-sah pesilat dari Indonesia," Alauddin memulakan ceritanya. **17 FEB 1991**

Lebih menggerunkan lagi, pesilat Indonesia turut mengakui peserta Belanda itu bukan calang-calang orangnya.

Tidak kurang membimbangkan ialah jurulatih Belanda tanpa berselindung pada sebarang tabir timbang rasa, memberitahu tentang simpatinya kerana Sheikh terpaksa berdepan dengan pesilatnya itu.

"Saya kasihan anda terpaksa berdepan dengan Ketzian," kata jurulatih Belanda seperti memperkecil-kecilkan ketangkasan sepak-terajang Alauddin. **Berita Minggu**

Begitupun, adat pantawan tidak akan berundur sekali langkah telah diatur dan akan berjuang sehingga titis-

an keringat terakhir.

Detik penentuan pun bermula. Dua jaguh bersua muka. Strategi Alauddin begitu mudah. Seboleh-bolehnya re-laks dan meninjau sejauh manakah kekuatan Ketzian dalam pusingan pertama.

Selain daripada itu, Alauddin juga menggunakan strategi tendang lari.

"Ini adalah untuk mengelakkan daripada menjadi mangsa penumbuknya. Saya tidak menafikan Ketzian mempunyai tumbukan yang kencang," jelas Alauddin.

Dalam pusingan kedua, Ketzian yang tahan lasak tetapi kurang dari segi teknik, berjaya dijatuhkan.

Tiba-tiba tubuh Alauddin mengalir darah keyakinan dan seterusnya terus membuktikan keupayaannya dalam pusingan ketiga sebelum diisytiharkan sebagai pemenang dengan keputusan 5-0.

Pencabarnya dalam pertandingan akhir, Kozian dari Austria, terbukti lebih besar dan tinggi orangnya. Juga tahan lasak.

Kali ini, strategi Alauddin agak berbeza. Beliau sengaja

membiarkan Kozian menyeringnya dan sabar mencari ruang dan peluang sebelum bertindak balas.

Strategi juga berkesan dan apabila pengumuman dibuat pada akhir pertarungan itu, Alauddin seperti tidak percaya bahawa di bumi Eropah sejarah akan menegenangnya sebagai johan dunia.



“Saya tidak pernah terfikir akhirnya saya akan mendapat kejayaan dalam sukan ini. Lebih menggembirakan, kejayaan itu ialah ia dicapai dalam Kejohanan Dunia.”

— Sheikh Alauddin Yacoob

“Saya tidak pernah terfikir akhirnya saya akan mendapat kejayaan dalam sukan ini. Lebih menggembirakan kejayaan itu ialah ia dicapai dalam Kejohanan Dunia,” kata Alauddin.

**Berita Minggu**  
Dalam dijulung kegembiraan, perasaannya kemudian dibaluti untuk sejenak dengan kesedihan.

“Saya menjuarai kejohanan dunia bukan lagi sebagai anggota Panca Sakti,” kata Alauddin. **17 FEB 1991**

Tetapi kenapa Alauddin meninggalkan Panca Sakti?

“Saya telah diarahkan agar jangan menyertai Kejohanan Nasional kerana Panca Sakti sendiri tidak mengambil bahagian. Oleh kerana saya begitu berminat

mengambil bahagian, maka saya pun menghantar surat perletakan jawatan sebagai anggota Panca Sakti.

“Kemudian, saya menjadi semacam ‘anak angkat’ kepada Tapak Suci. Dengan ini, saya boleh menyertai kejohanan nasional. Selepas memenangi kejohanan nasional, saya berpeluang pula mewakili negara dalam Kejohanan Dunia,” kata Alauddin.

Berusia 24 tahun, Alauddin, seorang penyelarasan latihan jasmani dengan Pusat Riadah Kelab Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), mula bergerak dalam sukan ini dalam 1982 melalui Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis).

Beberapa bulan kemudian, beliau menjadi anggota Perguruan Panca Sakti dan hanya dalam 1986 beliau mula melangkah ke medan pertarungan dan kerana bakatnya yang menyerlah, terus menjadi johan nasional.

Menjadi johan nasional barangkali tidak menghadapi masalah tetapi mengutip pingat emas dalam Sukan SEA, Kejohanan Dunia dan Pesta Merdeka Brunei, menemui halangan dan berkesudahan dengan kegagalan.

Jadi, apabila beliau menjuarai Kejohanan Dunia di Belanda dan kemudian disusuli pula kejayaan dalam Kejohanan Terbuka Malaysia, ia menyemarakkan cita-cita untuk terus menjadi pesilat handalan dunia.

Sedang dunia telah mengagumi kebolehannya tetapi Alauddin kini menunggu penghargaan negara pula.

Berjayakah Alauddin memenangi Anugerah Olahragawan 1990? Buat masa ini, Alauddin sekadar dapat memanjatkan doa saja.